

KEPRIHATINAN KOMUNITI TERHADAP ORANG KURANG UPAYA DI MASJID

**Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Hasliza binti Talib &
Siti Zaleha binti Ibrahim**

Department of Islamic Thought and Understanding, Centre for Core Studies, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Department of Islamic Thought and Understanding, Centre for Core Studies, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. norsaadah@kuis.edu.my

Abstrak

Keprihatinan komuniti terhadap golongan OKU di masjid masih belum mendapat layanan yang sewajarnya. Ini berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2018. Responden bagi kajian ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang terdiri daripada 328 orang responden di Lembah Klang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi masyarakat dan golongan OKU terhadap kemudahan yang masjid sediakan menunjukkan min 3.39 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, kemudahan yang disediakan oleh institusi masjid masih boleh dipertingkatkan dan ditambah baik seperti dengan menyediakan sari kata pada skrin TV untuk khutbah solat jumaat atau ceramah-caramah yang dijalankan. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap layanan kepada OKU di institusi masjid sama ada secara formal atau informal melalui komunikasi verbal dan *non verbal*. Walaupun hanya sebilangan OKU yang mampu hadir ke masjid, namun masyarakat haruslah peka kepada keperluan OKU khususnya bagi menunaikan solat fardu dan solat Jumaat.

Kata kunci: Keprihatinan, komuniti, Orang Kurang Upaya, Masjid.

(COMMUNITY CONCERN FOR PEOPLE WITH DISABILITIES IN MOSQUE)

Abstract

Community concerns about persons with disabilities in mosques have not been adequately addressed. This is based on a survey conducted in 2018. Respondents for this study were selected using a targeted sampling method consisting of 328 Klang Valley respondents. The study showed that community and disabled groups' perception of mosque facilities was moderately high, averaging 3.39. Therefore, the facilities provided by mosque facilities can continue to be improved, for example by displaying subtitles on television screens for sermons and Friday prayer lectures. Through verbal and non-verbal communication, it is hoped that the results of this study will make the community aware of the treatment of persons with disabilities in mosque facilities, both formal and informal. Few people with disabilities have the opportunity to attend mosques, but communities need to be sensitive to the needs of people with disabilities, especially when conducting obligatory prayers and Friday prayers.

Keywords: Concern, community, People with Disabilities, Mosque

Received: April 13, 2023

Accepted: May 11, 2023

Online Published: June 30, 2023

1. Pendahuluan


Menurut statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Julai 2022, golongan Melayu dari kalangan OKU adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 377,636 daripada jumlah 619,273 berbanding bangsa-bangsa lain. Ini menunjukkan bahawa aspek pengurusan kemudahan seperti hal-hal berkaitan ibadah bagi golongan ini perlu diambil kira. Dalam Islam melaksanakan ibadah solat merupakan kewajipan kepada semua mukallaf termasuk golongan OKU. Namun begitu, kelemahan yang berlaku dari segi kemudahan dalam beribadah yang disediakan terutamanya oleh pihak masjid menyebabkan pelaksanaan ibadah solat di masjid dalam kalangan mereka sering dipinggirkan.

2. Latar Belakang Kajian

Hasil temubual bersama pegawai Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP Bangi) pada 12 April 2016 menyatakan “masih lagi terdapat golongan yang memandang rendah serta memberi layanan yang buruk kepada golongan OKU walaupun berada di institusi masjid. Seolah-olah golongan OKU ini tidak layak diberi layanan yang baik dan saksama.” Layanan buruk yang mereka terima menyebabkan emosi mereka terganggu dan akan memberi impak yang negatif kepada mereka untuk sama-sama mengimarahkan masjid. Sikap negatif terhadap golongan ini menjadi sebab golongan ini sukar untuk mengambil

bahagian dalam masyarakat (Hasnah Toran et al 2010). Hal ini bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang menganjurkan supaya memberi layanan yang baik kepada sesama manusia apatah lagi kepada saudara yang lemah seperti golongan ini.


Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang mendasari kajian. *Theory of Planned Behavior* (TPB) mampu menghubungkan kepercayaan dan tingkah laku seseorang. Konsep ini telah dicadangkan oleh Icek Ajzen (1985) untuk memperkukuhkan teori yang dapat memberi sebab atas satu-satu tindakan termasuklah terhadap kawalan tingkahlaku. Teori ini juga menyatakan tentang sikap berkait dengan tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang membentuk niat dan tingkah laku pelaku.



Rajah 1.1 : Model Theory of Planned Behavior (TPB),
Sumber: Ajzen (2006)

Melalui rajah ini menunjukkan sikap merupakan suatu faktor dalam diri seseorang untuk memberikan respon positif atau negatif pada penilaian terhadap sesuatu (Roselita 2017). Dalam Roselita (2017), Lo Choi Tung (2011) mengatakan bahawa sikap terhadap tingkah laku adalah sejauh mana seseorang itu mempunyai penilaian tingkah laku yang baik atau tidak baik.

Norma subjektif merupakan persepsi seseorang tentang pemikiran berkaitan untuk melakukan atau tidak melakukan tingkah laku itu (Roselita 2017). Seterusnya tingkah laku ialah persepsi seseorang tentang perkara mudah atau susah dalam melakukan tingkah laku. Ia berkaitan dengan keyakinan dan kesediaan melakukan sesuatu tingkah laku itu. Berdasarkan teori yang dibincangkan di atas, maka pengkaji telah menghasilkan sebuah kerangka konseptual kajian ini seperti rajah 1.2.



Rajah 1.2 : Kerangka konseptual keprihatinan masyarakat terhadap OKU di masjid
Sumber: Ubah suai daripada *Theory of Planned Behavior* (TPB)

3. Kategori OKU Ketika Di Masjid

Orang Kurang Upaya mempunyai kekangan dalam menjalani kehidupan seharian termasuk aktiviti di masjid. Ia bergantung kepada jenis kecacatan yang hadapi.

OKU Penglihatan

Peralatan yang biasanya diperlukan oleh OKU penglihatan ialah tongkat. Tongkat dapat membawanya mengenal dan bergerak mengelilingi dunia. Tongkat mempunyai pelbagai fungsi. Ia dapat memberi tahu, memeriksa, mencari, mengesan dan melindungi. Ia *Steering Wheel* bagi memudahkan pergerakan mereka untuk membawanya ke arah yang dikehendaki (K.A Razhiyah 2006). Tongkat juga berfungsi sebagai tayar yang terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan jalan supaya bergerak dengan licin dan selesa. OKU penglihatan menganggap tongkat sebagai cermin sisi yang memberi perlindungan sempadan apabila seseorang ingin mengelakkan diri daripada sesuatu objek. Tongkat bagi seorang OKU penglihatan umpama sebuah kereta yang sedang dipandu. Oleh itu bagi memperoleh kemahiran menggunakan tongkat ia perlukan latihan serta mematuhi undang-undang di jalan raya bagi memastikan ia selamat.

Bagi OKU penglihatan di masjid mereka memerlukan bantuan untuk menunjuk arah ke tempat yang dikehendaki seperti ruang meletak kasut atau selipar, tempat mengambil wuduk, bilik air dan tandas, ruang solat dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kehilangan daya penglihatan tidak menjejaskan amalan solat orang buta. Mereka diwajibkan mengerjakan solat secara sempurna sama seperti orang normal dari segi rukun niat (*qalbi*) dan rukun bacaan (*qauli*). Rukun qalbi melibatkan hati seperti niat, manakala rukun qauli melibatkan pertuturan atau takbiratul ihram serta membaca al-Fatihah (Ab. Aziz Mohd Zain

et al 2009). Begitu juga dengan rukun *fi'li* iaitu rukun yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti rukuk, sujud dan duduk tahiyat akhir.

OKU Pendengaran

Individu yang dilahirkan pekak biasanya tidak boleh bertutur atau bisu (Ab. Aziz Mohd Zain et al 2009). Masalah pendengaran atau pekak bermaksud tidak dapat mendengar secara langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli (Kamus Dewan (2005). OKU pendengaran kadang kala tidak dapat dikenalpasti secara zahir kerana jenis kecacatan ini tidak dapat dilihat secara jelas kecuali apabila mereka berkomunikasi (Teng Shin Min 1986).

Secara umumnya komunikasi orang pekak boleh terjadi melalui beberapa medium seperti melalui penggunaan bahasa isyarat. Bahasa isyarat sesuai diguna pakai oleh OKU pekak di seluruh dunia namun disesuaikan dengan negara masing-masing (Woll, Bencie et al 2001). Bahasa isyarat merupakan medium utama untuk orang pekak berkomunikasi dengan komuniti serta masyarakat normal lain. Bahasa isyarat juga merupakan elemen penting untuk menyatukan mereka yang mempunyai masalah pendengaran (K.A Razhiyah 2006).

Bagi OKU pendengaran, cara solat mereka sebenarnya sama seperti cara solat orang normal dari segi rukun niat dan rukun anggota (Ab. Aziz Mohd Zain et al 2009). Namun dalam kitab-kitab fiqah menyebutkan cara solat orang bisu akan tetapi diberikan keringanan dalam rukun bacaan kerana ketidakupayaan mereka untuk bertutur. Seperti dalam mengucapkan takbiratul ihram yang merupakan rukun qauli atau rukun bacaan yang pertama mewajibkan individu mengucapkan takbiratul ihram (melafazkan Allahu Akbar).

Dalam buku yang dituliskan oleh Ab. Aziz Mohd Zain et al (2009) bertajuk dakwah Islam terhadap golongan OKU menyebutkan dalam hal ini para ulama mempunyai perbahasannya. Menurut Mazhab Syafi'i berpendapat orang bisu wajib menggerakkan lidah, bibir dan epiglotisnya berdasarkan makhraj huruf tersebut sekadar mengikut kemampuannya. Sekiranya tidak mampu maka mereka hendaklah meniatkan takbir dalam hati. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa kewajipan rukun ini tergugur daripada orang bisu kerana keuzuran mereka. Bahkan memadai dengan meniatkan takbir dalam hati sahaja. Mazhab Hambali pula berpandangan kewajipan tersebut gugur daripada orang bisu yang tidak boleh bercakap. Mazhab Maliki berpandangan jika seseorang itu terpotong lidahnya atau tidak boleh bercakap kecuali huruf 'ba' sahaja, maka kewajipan takbir gugur daripadanya. Daripada keempat-empat mazhab tersebut maka mazhab Syafi'i dianggap lebih baik untuk diamalkan berasaskan sabda nabi SAW:

وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: “*Sesuatu yang aku perintah kamu buatlah sekadar mana kamu mampu*”

(Riwayat Bukhari Muslim)

Oleh itu, bagi orang pekak yang tidak boleh bercakap wajib menggerakkan lidah dan bibir mengikut makhraj huruf sekiranya mampu sebelum menggunakan kaedah niat dalam hati (Ab. Aziz Mohd Zain et al 2009). Sebaliknya apabila orang pekak mampu bertutur atau

mengeluarkan bunyi walaupun sedikit, dia wajib menyebut lafaz tersebut mengikut kemampuannya dalam takbiratul ihram serta rukun-rukun solat yang lainnya. Semasa solat jumaat orang pekak sangat memerlukan *slaid* yang mengandungi paparan teks pada skrin TV atau sari kata kandungan khutbah untuk menmastikan isi ceramah tersebut sampai kepada mereka semasa khutbah jumaat dibacakan.

OKU Masalah Fizikal

K.A Razhiyah (2006) membahagikan individu bermasalah anggota kepada dua bahagian iaitu berkaitan dengan sel otak yang tidak dapat berfungsi dengan normal dan tidak berkaitan dengan otak. Sekiranya individu bermasalah fizikal jenis bukan berkaitan otak tidak diberikan bimbingan maka mereka akan menghadapi masalah daripada segi perkembangan sosial, emosi, sahsiah dan proses pembelajaran.

Peralatan yang biasa diperlukan oleh OKU masalah fizikal semasa di masjid, ialah bergantung kepada jenis kecacatan fizikal yang mereka hadapai. Kalau kecacatan anggota orang yang masih boleh berdiri, mereka masih berupaya bergerak kemana-mana dengan menggunakan kaki sendiri sama ada menggunakan bantuan tongkat atau tidak. Bagi golongan ini mereka wajib solat dalam keadaan berdiri sama seperti orang normal walaupun terpaksa bersolat dengan bantuan tongkat atau bersandar pada sesuatu yang lain. Para ulama bersepakat bahawa solat dalam keadaan berdiri dengan menggunakan tongkat atau bersandar pada dinding adalah dibolehkan sekiranya mengalami keuzuran untuk berdiri.

Bagi OKU berkerusi roda, mereka terdiri daripada orang yang tidak mampu berdiri. Bagi golongan ini mereka dibenarkan solat dalam keadaan duduk, sama ada duduk bersandar kepada sesuatu atau duduk tidak bersandar kepada sesuatu. Pandangan ulama mazhab Maliki menyebutkan cara duduk yang disunatkan adalah duduk dalam keadaan bersila (*tarabbu'*) ketika takbir, bacaan dan rukuk. Begitu juga mazhab Hambali yang berpendapat bahawa disunatkan duduk dalam keadaan bersila sepanjang bersolat kecuali ketika rukuk dan sujud. Manakala mazhab Hanafi menyatakan dibolehkan duduk dalam apa jua posisi yang dikehendaki tetapi kedudukan yang paling afdal ialah duduk tasyahud (duduk antara dua sujud). Sedangkan mazhab Syafi'i pula berpendapat disunatkan untuk duduk secara iftirasy kecuali ketika sujud dan tahiyyat akhir. Daripada mazhab Malik, Syafi'i, dan Hambali menyatakan kedudukan ini adalah kedudukan tasyahud ini terdapat dalam solat.

Solat bagi cacat fizikal yang lumpuh, ia berbeza dengan cacat fizikal boleh berdiri atau duduk. Orang yang lumpuh terbahagi kepada dua iaitu lumpuh sebelah badan dan lumpuh keseluruhan. Maka cara solat bagi mereka ialah solat dalam keadaan terlentang dengan ditinggikan sedikit bahagian kepala supaya muka menghadap kiblat (Ab. Aziz Mohd Zain et al 2009). Sekiranya tidak mampu solat terlentang dengan isyarat kepala maka hendaklah bersolat dengan menggunakan isyarat mata, atau apabila mereka tidak mampu juga mereka boleh bersolat dengan menggunakan isyarat hati dengan menggambarkan rukun-rukun solat di dalam hati. Ini berdasarkan kepada ketidakupayaan mereka untuk bergerak sama ada ke kiri atau ke kanan.

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa ibadah solat merupakan kewajipan yang harus di ambil perhatian yang serius untuk menunaikannya. Kekurangan kebolehan dan keterbatasan dalam pergerakan tidak menggugurkan kewajipan dalam menunaikan ibadah solat selama ia berakal dan termasuk dalam golongan mukallaf. Oleh itu mereka hendaklah melakukannya setakat kemampuan mereka. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT :

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: “Bertakwalah kamu kepada Allah SWT sedakar mana kamu mampu.”

(Surah al-Taghabun: 16)

Di masjid, orang bermasalah fizikal seperti yang menggunakan kerusi roda mereka memerlukan laluan kerusi roda, tempat khusus untuk mengambil wuduk, bilik air dan tandas, ruang solat dan sebagainya. Justeru itu, AJK masjid perlu peka dengan kehadiran OKU fizikal ke masjid. Walaupun mereka termasuk golongan minoriti dalam masyarakat namun sebaiknya masjid mengambil tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan mereka semasa mereka hadir ke masjid. Kajian Abdul Munir et al (2015) mendapati masih kurang disediakan laluan pejalan kaki OKU oleh masjid-masjid di daerah Batang Padang, Perak adalah disebabkan oleh faktor kurangnya jumlah penduduk atau pengunjung yang berstatus OKU. Perkara ini tidak seharusnya berlaku di Lembah Klang kerana setiap masjid telah memperuntukkan perbelanjaan ke atas pembinaan dan pembangunan bagi laluan OKU.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik 328 kepada responden. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan semasa atau *cross-sectional survey* iaitu data dipungut sekali sahaja daripada satu sampel pada suatu masa (Creswel 2008). Pemerolehan data dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sesuai dengan masa yang ditentukan oleh pengkaji (Creswell 2012). Kajian tinjauan sesuai dijalankan dalam kajian ini dengan bantuan soal selidik dan dianalisis oleh pengkaji menggunakan statistik kuantitatif.

Kajian ini telah diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai satu kajian yang berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid, 2005). Kajian kes merupakan sebahagian daripada penyelidikan deskriptif yang bersifat mendalam terhadap suatu fenomena yang dikaji (Merriam, 2001). Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian.

5. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kertas kerja ini hanya memfokuskan dapatan kajian bahagian A sahaja iaitu meliputi status individu, kategori OKU, pelaksanaan solat jumaat, pelaksanaan solat fardu dan suka datang ke masjid.

Kajian ini melibatkan golongan OKU dan bukan OKU. Bagi kategori OKU mereka terdiri daripada OKU penglihatan, OKU pendengaran, OKU fizikal, OKU pertuturan dan OKU masalah pembelajaran. Berikut akan diuraikan nilai peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjawab setiap objektif kajian.

Dapatan Kajian Bahagian A

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A1	Status individu	OKU	161	49.1
		Bukan OKU	167	50.9

Dalam kajian ini seramai 328 responden yang terlibat adalah terdiri daripada OKU seramai 161 orang (49.1%) dan bukan OKU seramai 167 orang (50.9%).

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A2	Kategori Responden	Penglihatan	38	11.6
		Pendengaran	65	19.8
		Fizikal	58	17.7
		Normal	167	50.9

Dari segi kategori responden terdapat seramai 38 orang (11.6%) OKU penglihatan, seramai 65 orang (19.8%) OKU pendengaran, seramai 58 orang (17.7%) OKU fizikal dan seramai 167 orang (50.9%) bukan OKU.

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A3	Saya menunaikan solat Jumaat di masjid	Ya	216	65.9
		Tidak	112	34.1

Dari segi menunaikan solat Jumaat di masjid menunjukkan seramai 216 orang (65.9%) menunaikan solat Jumaat di masjid dan seramai 112 orang (34.1%) tidak menunaikan solat Jumaat di masjid.

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A4	Saya menunaikan solat fardu di masjid	Ya	246	75.0
		Tidak	74	22.6
		Kadang-Kadang	8	2.4

Dari segi menunaikan solat fardu di masjid menunjukkan seramai 246 orang (75.0%) menunaikan solat fardu di masjid. Seramai 74 orang (22.6%) tidak menunaikan solat fardu di masjid dan seramai 8 orang sahaja (2.4%) kadang-kadang menunaikan solat di masjid.

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A5	Saya suka datang ke masjid	Ya	308	93.9
		Tidak	17	5.2
		Kadang-Kadang	3	.9

Dari segi suka datang ke masjid pula menunjukkan seramai 308 orang (93.9%) sangat suka datang ke masjid. Seramai 17 orang (5.2%) tidak suka datang ke masjid dan hanya 3 orang (0.9%) kadang-kadang suka datang ke masjid.

Masalah yang dihadapi OKU

Antara masalah yang dinyatakan oleh OKU semasa berada di masjid antara lain:

1. Tiada pengangkutan untuk ke masjid untuk ke masjid sama ada solat fardu, solat Jumaat dan sebagainya.
2. Kemudahan OKU di masjid masih kurang, seperti tandas khas, tempat wuduk, tempat solat dan parkir khas OKU serta *wheelchair*.
3. Kemudahan yang biasa disediakan di masjid lebih kepada OKU cacat fizikal. Jarang didapati kemudahan untuk kecacatan pancaindera seperti al-Quran *Braille* dan peralatan elektrik untuk pesakit OKU yang lain.
4. Tiada skrin TV untuk sari kata khususnya bagi OKU pendengaran (pekak) bagi jemaah solat Jumaat.
5. Tiada juru bahasa isyarat tangan bagi menjelaskan maksud khutbah jumaat atau ceramah yang dianjurkan oleh masjid.
6. Belum terdapat ahli AJK masjid terdiri daripada golongan OKU. Ini penting bagi mengetahui dan memahami situasi OKU.
7. Silibus pengajaran OKU di masjid masih belum disediakan.
8. Masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak memahami keperluan OKU ketika berada di masjid. Golongan ini dipandang sinis dan seperti orang asing.
9. Selalu diejek serta disisihkan oleh masyarakat.
10. Masih banyak masjid yang mempunyai tangga dan sukar bagi pergerakan OKU fizikal.
11. Masjid perlu lebih mesra dan pasang penyaman udara.
12. Kelas-kelas agama yang diadakan di masjid masih tidak meraikan keperluan golongan OKU.
13. Pengurusan masjid/ surau wajib belajar bahasa isyarat.
14. Dana tidak mencukupi untuk meningkatkan kemudahan OKU di masjid.
15. Jemaah di masjid masih kurang kesedaran untuk menyantuni warga OKU. Seharusnya masjid perlu melantik sukarelawan tetap yang boleh membantu golongan OKU khususnya semasa solat Jumaat.

6. Cadangan Kajian

Golongan OKU adalah golongan istimewa yang perlu diberikan keutamaan dalam setiap perkara kecuali perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan. Dengan melibatkan golongan OKU dalam aktiviti masjid maka akan mengeratkan hubungan jemaah dengan OKU sehingga menjadikan masjid bukan tempat eksklusif agamawan sahaja sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian ini. Dicadangkan pihak masjid menyediakan kenderaan untuk menjemput golongan OKU agar memudahkan mereka datang ke masjid terutama ketika mengadakan majlis-majlis ilmu.

Responden yang mempunyai jumlah cadangan majoriti dalam kajian ini mencadangkan agar masjid menyediakan skrin TV untuk sari kata, menyediakan juru bahasa isyarat tangan untuk khutbah Jumaat di mana-mana masjid seluruh Lembah Klang. Selain itu, setiap masjid perlu menyediakan seorang pakar bahasa isyarat dari kalangan lelaki untuk memberikan terjemahan kepada OKU yang kurang pendengaran dan bisu.

Dapatan ini juga mencadangkan kepada masjid agar masjid dapat memperbanyakkan lagi aktiviti untuk OKU seperti menganjurkan program bagi menambah ilmu pengetahuan kepada OKU khususnya kelas fardhu ain kerana mereka ingin belajar ilmu agama. Seorang responden mencadangkan agar adakan silibus dalam masjid khusus OKU. Seterusnya, terdapat juga responden yang mencadangkan agar menyediakan tempat wuduk yang khas untuk OKU fizikal bagi memudahkan golongan ini beribadah.

Kempen kesedaran juga wajar diadakan untuk memastikan kebajikan OKU terjaga dari semasa ke semasa. Masjid mempunyai peranan yang besar dalam menyedarkan masyarakat supaya tidak meminggirkan golongan OKU. Perlu didedahkan kepada masyarakat untuk memberi perhatian kepada OKU melalui ceramah atau forum dan melalui khutbah jumaat itu sendiri. Ditambah lagi peruntukan bajet kepada keperluan ini diharapkan dapat selalu menjaga ukhuwah antara masyarakat dengan OKU dan menyayangi mereka dengan memberikan layanan yang baik bagi memudahkan golongan OKU beribadah di masjid.

Keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU ini dapat membentuk sikap positif dalam diri OKU untuk melibatkan diri dalam komuniti masyarakat. Masyarakat perlu peka kepada OKU untuk mengajak OKU bersolat di masjid. Peranan masjid dalam menarik minat semua golongan masyarakat untuk beribadah di masjid adalah hal yang diutamakan semasa awal perjuangan dakwah Rasulullah SAW lagi. Keadaan ini telah membawa Islam gemilang di mata dunia kerana Islam mengamalkan konsep setiap manusia adalah sama, yang membezakannya ialah hanya iman dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Mengedarkan Flyers, Pamplet dan Khutbah Jumaat

Pihak masjid perlu memberikan kesedaran kepada jemaah dan qariah masjid untuk sama-sama menyantuni golongan OKU melalui dakwah dengan mengedarkan flyers dan pamplet atau melalui khutbah Jumaat. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan layanan dan keperluan yang harus diberikan kepada golongan ini. Seterusnya, penerangan yang jelas berkaitan layanan atau mengatasi masalah OKU semasa beribadah di masjid perlulah diberikan mengikut keadaan kecacatan yang dialami oleh golongan OKU. Perkara ini penting bagi memudahkan mereka mendapatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada ilmu yang disampaikan terutamanya jemaah OKU solat jumaat.

Penambahbaikan Prasarana

Aspek prasarana juga perlu diberi penekanan dengan menyediakan serta meningkatkan kemudahan kepada golongan OKU di masjid. Seterusnya meningkatkan kemudahan yang sedia ada kepada mereka dengan menyediakan skrin TV untuk sari kata, memperbaiki penghawa dingin, menyediakan juru bahasa isyarat untuk khutbah Jumaat di setiap masjid.

Terdapat banyak kemudahan yang telah disediakan oleh masjid kepada tetamu Allah SWT termasuk golongan OKU. Contohnya, menyediakan tandas khas, tempat letak kenderaan khas, tempat wuduk khas, ruang solat khas, namun kebanyakan kemudahan untuk OKU di masjid tertumpu kepada kecacatan fizikal seperti kaki dan tangan sahaja, jarang didapati kemudahan untuk OKU penglihatan dan pendengaran seperti al-Quran *Braille*, kemudahan komunikasi bahasa isyarat tangan dan ujian tahap pendengaran.

Selain itu, AJK masjid wajib belajar bahasa isyarat atau melantik seorang OKU sebagai AJK masjid agar mengetahui keperluan dan bentuk layanan yang diberikan sesuai dengan keselesaan mereka. Contohnya bagi OKU fizikal, terdapat masalah di masjid kerana masih banyak masjid yang bertangga dan sukar bagi pergerakan OKU. Laluan khas berbumbung menghubungkan tempat parking ke laman utama masjid atau surau perlu disediakan untuk kemudahan OKU yang menggunakan *wheelchair*. Meningkatkan kemudahan untuk OKU seperti laluan naik ke masjid. Menyediakan kerusi roda di masjid serta menyediakan kerusi yang lebih daripada satu untuk kemudahan solat OKU semasa solat jumaat. Diharapkan para jemaah perlu bersifat toleransi, mesra dan berhemah dengan golongan OKU, peka kepada kehadiran OKU di masjid.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian menyatakan keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU menunjukkan tahap sederhana tinggi 3.39. Namun masyarakat perlu meningkatkan lagi keprihatinan terhadap kehadiran OKU sebagai ahli dalam masyarakat agar mereka rasa dihargai dan penting dalam kehidupan bermasyarakat. Layanan yang sama rata perlu diberikan kepada semua ahli masjid. Masjid merupakan tempat ibadah untuk semua hambaNya yang beriman. Oleh itu, setiap tetamu Allah perlu diraikan dengan diberikan layanan yang baik dan selesa tidak terkecuali golongan OKU. Layanan yang baik mampu mengekalkan para jemaah untuk sentiasa mengimarahkan masjid bersama-sama.

RUJUKAN

- Ab. Azizi Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fausi Hamat, Nor Raudah Hj Siren dan Juwairiah Hassan. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Karim Zaidan (t.t), op. cit., h. 531
- Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borhan. 2015. Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 6 2-78

- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behavior. Dlm J. Kuhl & J. Beckman (pnyt.), Action-control: From cognition to behavior. hlm. 1139. Heidelberg: Springer.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Al-Qaradawi. 1996. *Memahami Keutamaan Berasaskan Al- Quran dan al-Sunnah*, (terj.) Bahruddin Fannani, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, h.122
- Al-Zuhāyli, Wahbah. 2004. *Usul al-Fiqh al-Islāmi*, j. 1, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 158.
- Antonak, R.F., Livneh, H. 2000. *Measurement of attitudes towards persons with disabilities*. *Disability and Rehabilitation* 22: 211-224.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2006. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Abdul Rahman. 2007. Fungsi dan jenis komunikasi. Dlm. Sulaiman Md. Yassin (pnyt.). *Komunikasi dalam Pengajaran*, hlm. 7-10. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd
- Chua, L. C. 2006. Sample size estimation Using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A Comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL* 7: 78-86.
- Chubon, R. A. 1992. Attitudes toward disability: Addressing fundamentals of attitude theory and research in rehabilitation education. *Rehabilitation Education*. 6: 301-312.
- Cooper, R. & Schindler, S. 2001. *Business Research Methods. International Education*. Boston: Mc Graw Hill.
- Creswel, J.W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Edisi ke-3. New Jersey: Person Education Ins.
- Creswell. J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Bostan, MA: Pearson Education, Inc.
- Drummond, R.J dan Ryn, C.W. 1995. *Career Counseling a Development Approach*. Ohio: Prentice Hall
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. 2010. Isu dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*.
- Hadis Riwayat Ahmad dan Bukhari dalam Al-Ādāb al-Mufrad dan al-Tabarani daripada Ibn Abbas, lihat al-Jami" al-Saghir , h. 160
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim (2010ms 45
- Hall, G. E., & Hord, S. M. 2011. *Implementing Change: Patterns, Principles And Patholes*. Ulang Cetak. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.

- Hall, G. E., George, A. A., & Rutherford, W. L. 1986. *Measuring Stages of Concern About The Innovation: A Manual for The Use of The SoC Questionnaire*. Austin: Research and Development Center for Teacher Education, The University of Texas.
- Hasnah Mahasan 1997. Sambutan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya: Satu Persepsi Mereka Sendiri di Pusat Pemulihan Samarahan. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan Halangan Yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1(2): 18-29.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Nur Hazwani Hamzah. 2010. Pengetahuan Dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Ipta Di Malaysia. *AJTLHE* Vol. 2, No.2: 21-32
- Hazlin Falina Rosli, Safura Ahmad Sabri, Norazla Abdul Wahab, & Nurzakira Afnee Zakaria. 2015. Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (Oku) Di Malaysia: Melalui Perspektif Media. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)*.
- Hewett, F.M. & Forness, S.R. 1974. *Education of Exceptional Learners*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Ibn Hajar al-Asqalani (t.t), Fath al-Bāri, j.1, al-Qahirah: Matba'at al-Salāfiyah wa-Maktabatuhā, h.163
- Ikmal Hisham Md. Tah. 2014. Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia. *International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS)*: 1-9
- Juwairiah Hassan. (t.th). Pelaksanaan Dakwah Kepada orang Pekak di Terengganu.
- K.A. Razhiyah. 2006. *Anak Istimewa: Panduan bagi Ibu Bapa Membesarkan Anak Istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- K.A Razhiyah. 2006. *Mengapa Kanak-Kanak Sukar Belajar?* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan. 2005. *Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988. Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yucker, (pnyt.). *Attitudes Toward Persons with Disabilities*, hlm. 47-57. New Year: Springer Publishing Company. Malaysia. 2008.
- Akta Orang Kurang Upaya. (Akta 685)
- Krejcie & Morgan. 1970. Determining sampel size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30: 607-610.
- Lonsdale 1986 dalam Hasnah Mahasan 1997
- Mark, F. 2007. *Easy Statistics in Psychology*. Australia: BPS Blackwell.
- McCarthy, M., & Campbell, N. J. 1993. Serving disabled students: Faculty needs and attitudes. *NASPA Journal*, 30(2): 120-125.

- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and Case Study Applications in Education*. Jossey Bass Publisher: San Francisco.
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohamad Daniel Mohd. Pengurus, Bengkel Lembah Kinta, Ipoh. Temubual pada 10 September 2007. Observasi penulis menunjukkan hanya terdapat lebih kurang 20 orang jurubahasa rasmi orang pekak dan jarang sekali golongan agama mempunyai kemahiran berbahasa isyarat.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yassin Abd. Kadir. 2005. Peluang Kenaikan Pangkat untuk Orang Kurang Upaya, NCBM Outreach, Issue No 39, April-June 2005.
- Muhammad al-Khudhari (2001), *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.
- Mustafa Haji Daud. 1997. *Al-Quran Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Luqman Hakim Rosli. 2015. Kebolehcapaian Perkhidmatan Awam Kepada OKU Kes KTM.
<https://www.researchgate.net/publication/282074089>
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. (2004). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Wacana Pendidikan Islam* (siri 3) (pp. 395-406). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Salleh Aman. T. th. Pembangunan kemudahan fizikal Pelajar OKU (Orang Kepelbagaian Upaya) di Kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad al-Khudhari. 2001. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.
- Noraini Mohd Salleh, Khalid Abdullah & Nor Aishah Buang. 2001. Job Opportunities for Special Needs Population in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. 27. 77-85.
- Nor Elyana Mamat. 2006. "Seminar Kedua Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam: Kupas Permasalahan Warga Pekak Islam", MyDEAF, Edisi Khas, h. 9. Seminar ini berlangsung pada 20 Januari 2006 di Muzium Kesenian Islam dengan jumlah hadirin lebih 200 orang. *Seminar ini dianjurkan atas kesedaran untuk mentarbiahkan penghayatan Islam kepada orang pekak dengan lebih efektif. Ia turut dirancang dianjurkan sebagai seminar tahunan khusus untuk meneliti keperluan warga pekak di Malaysia pada Islam.*
- Nurizzah Mohamed Yusoff & Nor Wahiza Abd. Wahat. 2013. Sumbangan Keadilan Organisasi dan Pesepsi Keterbatasan Dalam Keboleh Upayaan Bekerja Bagi Orang Kelainan Upaya (Oku) di Malaysia. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)*.
- Roselita Ali @ Yusof. 2017. Keprihatinan dan Penggunaan Inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia Oleh Guru Prasekolah. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Pallant, J. 2011. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. Fourth Edition*. Australia: Allen & Unwin.
- Rahimah Mohd Noh (2010) dalam Hazlin Falina et al (2015)
- Rahimi Affandi Abdul Rahim, Paiziah Ismail & Idris Awang. 2006. Pendekatan Baru Maqasid al-Shariah dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 35-80.
- Robso, Collin. 1998. *Real World Research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Rohany Nasir. 2003. *Isu-isu kaunseling dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Rohani, I. 2010. Mengiktiraf Peranan OKU. Utusan Malaysia. Dicapai pada 20 Disember 2014 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re_02. Htm
- Roselita Ali @ Yusof. 2017. Keprihatinan dan Penggunaan Inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran Bahasa Malaysia oleh Guru Prasekolah. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Shalini a/p Sanmargaraja dan Seow Ta Wee. T.th. Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (Oku) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan Jabatan Binaan dan Harta Tanah. Batu Pahat Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Sheila Devaraj & Samsilah Roslan. 2006. *Apa Itu Disleksia? Panduan untuk Ibu Bapa, Guru dan Kaunselor*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Smart, J. 2002. *Disability, Society and The Individual*. U.S.A.: Pro-Ed
- Stangor Charles. 1998. *Research Methods for the Behavioral Sciences*. Michigan: Houghton Mifflin.
- Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbaas Ahmad bin Hamzah Ibn Syihab al-Dīn al-Ramli (1967), Nihaayah al-Muhtāj Ila Syarh al-Minħāj, j. 1. Mesir: Mustafa al-Bābi al-Halabi, h. 388. Lihat juga „Abd alHamid al-Syrwāni (t.t.), Hawāsyi Tuhfat al-Muhtāj Bi Syarh al-Minħāj, j. 1. Mesir: Mustafa al-Bābi alHalābi, h. 445
- SUHAKAM. 21 Februari 2018. <http://www.suhakam.org.my/ms/areas-of-work/pendidikan/orang-kurang-upaya-oku/>
- Temubual Sariah Ibrahim, loc.cit.
- Teng Shin Min. 1986. “Beberapa Aspek Akademik Dan Psiko-Sosial Murid Cacat Pendengaran Di Sekolah Percantuman Di Negeri Johor” (Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 5-6.
- Wood, J.W. (2002). *Adapting Instructions to Accommodate Students in Inclusive Setting*. USA: Merrill Prentice Hall.
- Woll, Bencie et al. 2001. Ceil Lucas (ed), *The Sociolinguistics of Sign Languages*, Cambridge: Cambridge University Press, h.8-9.

Yusof bin Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 7 November 2008.